

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : PUAN WONG SHU QI [KLUANG]

TARIKH : 30 NOVEMBER 2020 (ISNIN)

SOALAN

PUAN WONG SHU QI [KLUANG] minta **MENTERI ALAM SEKITAR DAN AIR** menyatakan negeri-negeri yang telah melaksanakan caj 20 sen bagi beg plastik sekali guna menurut Pelan Hala Tuju Sifar Penggunaan Plastik Pakai Buang 2018-2030 dan negeri-negeri yang belum melaksanakan inisiatif tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Pelan Hala Tuju Malaysia ke arah Sifar Plastik Sekali Guna 2018-2030 telah diperkenalkan pada 17 Oktober 2018. Salah satu pelan tindakan di bawah Pelan Hala Tuju ini adalah pengenalan caj pencemaran minimum 20 sen kepada pengguna bagi setiap beg plastik yang diperolehi dari premis-premis perniagaan.

2. Kementerian telah mengadakan beberapa sesi libat urus bersama semua kerajaan negeri dan wakil Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) bagi mengenalpasti sejauh mana inisiatif pengenaan caj 20 sen ini telah dilaksanakan di peringkat negeri. Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah memperkenalkan caj pencemaran ini lebih awal iaitu melalui Kempen Hari

NO. SOALAN : 21

Tanpa Beg Plastik sejak tahun 2009. Manakala negeri Selangor pula telah mengenakan caj pencemaran bermula Januari 2020. Selain itu, Wilayah Persekutuan pula telah melaksanakan larangan penggunaan beg plastik berasaskan petroleum dan mengenakan caj 20 sen ke atas beg kitar semula sejak 15 Mac 2019.

3. Kementerian juga telah menyediakan kertas pertimbangan bagi kelulusan Mesyuarat Majlis Negara bagi Kerajaan Tempatan ke-76. Tujuan kertas pertimbangan ini adalah untuk menyelaraskan dan menyeragamkan pelaksanaan pencemaran di peringkat negeri. Bagi negeri-negeri yang belum mengenakan caj pencemaran ini, mereka diberi masa sehingga akhir tahun 2021 untuk berbuat sedemikian, bergantung kepada kesediaan kerajaan negeri dan pihak berkuasa tempatan.

4. Kementerian sedar bahawa kempen dan sesi libat urus yang berterusan dengan semua pihak amat penting dalam memastikan kejayaan Pelan Hala Tuju ini. Oleh yang demikian, Kementerian dengan kerjasama rakan strategik dari pelbagai pihak termasuk kementerian, agensi, pihak industri dan badan bukan kerajaan akan terus melaksanakan program-program kesedaran awam untuk membudayakan amalan menghindari plastik sekali guna di Malaysia.

Sekian, terima kasih.